



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 11-13 Mac 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>JKM Cari Waris Afifah Hilya</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/249038</p> <p>https://carigold.com/forum/threads/jkm-cari-waris-afifah-hilya-nafisah.758780/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Carigold</p>	Neutral
2	<p>Dr Farah Nini Dilantik Pesuruhjaya Kanak-Kanak SUHAKAM</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1074917/dr-farah-nini-dilantik-pesuruhjaya-kanak-kanak-suhakam</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/dr-farah-nini-azam-perkasa-hak-kanak-kanak/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	https://m.malaysiakini.com/news/658075 https://youtu.be/mRK2AVnOFVc https://youtu.be/HjjEux5FKyc https://www.buletintv3.my/nasional/farah-nini-tekad-perkasa-hak-kanak-kanak/ https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2171982 https://www.getaran.my/artikel/semasa/42298/suhakam-lantik-farah-nini-sebagai-pesuruhjaya-kanak-kanak https://www.msn.com/en-my/sport/other/dr-farah-nini-dilantik-pesuruhjaya-kanak-kanak/ar-AA18rfE4	Malaysia Kini Astro Awani Buletin TV3 Buletin TV3 Bernama Getaran MSN	
3	100 Kanak-Kanak Ceria Terima Bantuan Persekolahan https://www.kosmo.com.my/2023/03/10/100-kanak-kanak-ceria-terima-bantuan-persekolahan/ https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/100-kanak-kanak-ceria-terima-bantuan-persekolahan/	Kosmo Utusan	Neutral
4	Niat Berbakti Kepada Kanak-Kanak, Lesap RM45,000 https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1075054/niat-berbakti-kepada-kanak-kanak-lesap-rm45000	Berita Harian	Neutral
5	8 Rumah Terbakar Awal Pagi, Wanita Melecur Maut https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1075256/8-rumah-terbakar-awal-pagi-wanita-melecur-maut https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/944308/wanita-maut-dalam-kebakaran-lapan-rumah https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/249116	Berita Harian Harian Metro Sinar Harian	Neutral
6	Wanita Rugi Lebih RM45,000 Diperdaya Tawaran Kerja Dalam Talian		Neutral

	https://www.thesundaily.my/home/wanita-rugi-lebih-rm45000-diperdaya-tawaran-kerja-dalam-talian-KF10733449	The Sun Daily	
7	<p>Patah Tangan, Bahu Tercabut Diserang Sawan Ketika Hamil</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/patah-tangan-bahu-tercabut-diserang-sawan-ketika-hamil-410250?amp=1</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/249133</p> <p>https://newswav.com/article/patah-tangan-bahu-tercabut-diserang-sawan-ketika-hamil-A2303_PbRkQF</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Newswav</p>	Neutral
8	<p>JKM Perketat Proses Pemilihan Penjaga Kanak-Kanak - Nancy</p> <p>https://www.bharian.com.my/node/1075536/amp</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/selection-process-of-adoptive-parents-tightened-nancy-DF10737848</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2172213</p> <p>https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/888136/tighter-guidelines-selection-adoptive-parents</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/11/sabah-ranks-third-in-number-of-child-abuses-cases-in-m039sia-says-nancy</p> <p>https://headtopics.com/my/nancy-shukri-selection-process-of-adoptive-parents-in-malaysia-tightened-36497435</p> <p>https://www.thevibes.com/articles/news/87585/govt-tightens-selection-process-for-adoptive-parents-nancy</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/59085-proses-pemilihan-jaga-kanak-kanak-lebih-ketat-lalui-saringan-nancy</p>	<p>Berita Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p> <p>NST</p> <p>The Star</p> <p>Head Topics</p> <p>The Vibes</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral

	<p>https://www.nabalunews.com/amp/kpwkm-komited-perkasa-wanita-dan-terus-lindungi-kanak-kanak-2</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/oyls-perlu-jalani-ujian-saringan-tajma/</p> <p>https://youtu.be/uSL2f8BcaoQ</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/11/kpwkm-lancar-garis-panduan-kindungi-kanak-kanak/</p> <p>https://www.thestartmagazine.com/article/acbc75f4-8d30-8618-a3d7-982ee6d9b85f?</p> <p>https://www.sabahgazette.com/sabah-duduki-tempat-ketiga-dalam-bilangan-kes-penderaan-kanak-kanak-di-malaysia/</p> <p>https://sabahnews.com.my/kpwkm-komited-perkasa-wanita-dan-terus-lindungi-kanak-kanak/</p> <p>https://www.chinapress.com.my/20230311/%E6%8E%A8%E5%84%BF%E7%AB%A5%E7%9B%91%E6%8A%A4%E4%BA%BA%E6%8C%91%E9%80%89%E6%8C%87%E5%8D%97-%E6%94%B6%E7%B4%A7%E9%A2%86%E5%85%BB%E5%AD%A9%E5%AD%90%E7%A8%8B%E5%BA%8F/amp/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilihan-penjaga-kanak-kanak-dipeliharakan-diperketat-nancy-410282?amp=1</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2172159</p> <p>https://youtu.be/tqmNQnMsDiA</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/209167/garis-panduan-diperketat-lindungi-kanak-kanak-nancy/</p> <p>https://sabahmedia.com/2023/03/12/kpwkm-lancar-garis-panduan-lindungi-kanak-kanak/</p>	<p>Nabalunews</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Warta Oriental</p> <p>The Start Magazine</p> <p>Sabah Gazette</p> <p>Sabah News</p> <p>China Press</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita RTM</p> <p>Daily Express</p> <p>Sabah Media</p>	
9	Nancy Shukri Urges Women To Join The Wanita Bangkit Programme To Boost Economic Standing		Neutral

	<p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/11/nancy-shukri-urges-women-to-join-the-wanita-bangkit-programme-to-boost-economic-standing/59120</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59104-rebut-peluang-serta-wanita-bangkit-kpwkm</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2172262</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/11/program-wanita-bangkitkpwkm-berjaya-tingkatkan-pendapatan-peserta/</p> <p>https://www.theborneopost.com/2023/03/11/mykasih-kapital-helps-women-affected-by-pandemic-to-start-business/</p> <p>https://headtopics.com/my/nancy-shukri-urges-women-to-join-the-wanita-bangkit-programme-to-boost-economic-standing-36503177</p> <p>https://newsway.com/article/mykasih-kapital-helps-women-affected-by-pandemic-to-start-business-A2303_xrJqFy</p>	<p>Malay Mail</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p> <p>TVSTV</p> <p>The Borneo Post</p> <p>Head Topics</p> <p>Newsway</p>	
10	<p>Nancy Shukri Asked If Women Should Beg For Their Rights To Achieve 30pc Decision-Makers Status</p> <p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/11/nancy-shukri-asked-if-women-should-beg-for-their-rights-to-achieve-30pc-decision-makers-status/59150</p> <p>https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2172321</p> <p>https://newsway.com/article/nancy-shukri-asked-if-women-should-beg-for-their-rights-to-achieve-30pc-dec-A2303_ZGg3uN</p>	<p>Malay Mail</p> <p>Bernamea</p> <p>Newsway</p>	Neutral
11	<p>Peranan Wanita Mampu Jadi Pemangkin Bentuk Malaysia Madani</p> <p>https://harapandaily.com/peranan-wanita-mampu-jadi-pemangkin-bentuk-malaysia-madani/</p>	<p>Harapan Daily</p>	Neutral

12	<p>Anak OKU Perlu Dilayan Sama Rata</p> <p>https://www.melakahariini.my/anak-oku-perlu-dilayan-sama-rata/</p>	<p>Melaka Hari Ini</p>	Neutral
13	<p>Enam Pelajar OKU Polycc Wakil Negara Ke Perancis</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/249188</p> <p>https://newsway.com/article/enam-pelajar-oku-polycc-wakil-negara-ke-perancis-A2303_DbIiVt</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Newsway</p>	Neutral
14	<p>Should Women Beg For Their Rights, Nancy Asks Companies</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/432441</p> <p>https://www.theborneopost.com/2023/03/12/no-need-to-beg-for-30-pct-decision-makers-nancy/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/12/wanita-ilmu-tidak-boleh-dipisahkan/</p>	<p>The Malaysia Insight</p> <p>The Borneo Post</p> <p>Warta Oriental</p>	Neutral
15	<p>Pusat Sasar 59 Peratus Penyertaan Pekerja Wanita Tahun 2025 – Menteri</p> <p>https://www.buletinmutiara.com/pusat-sasar-59-peratus-penyertaan-pekerja-wanita-tahun-2025-menteri/</p> <p>https://www.buletinmutiara.com/hakis-tanggapan-lama-tanggungjawab-tradisional-golongan-wanita-ketua-menteri/</p>	<p>Buletin Mutiara</p> <p>Buletin Mutiara</p>	Neutral
16	<p>Kanak-Kanak Dibunuh, Tangan Diikat, Kepala Tersepit Pokok</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/944824/kanak-kanak-dibunuh-tangan-diikat-kepala-tersepit-pokok</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/12/budak-3-tahun-mati-dibunuh-kaki-tangan-dikelar/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p>	Negatif

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/249277/berita/s emasa/kanak-kanak-3-tahun-dibunuh-kejam</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=CTpJ9d1Wx1g</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=Pf6PXRv-TA8</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/03/12/bu dak-lelaki-3-tahun-dibunuh-kejam-mayat-dijumpai-dalam-semak-kepala-tersepit-pada-pokok-tangan-dan-kaki-diikat</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/12/kanak-kanak-lelaki-dibunuh-kejam-penagih-dadah</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/59128-budak-tiga-tahun-maut-dibunuh-kaki-tangan-diikat</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV9</p> <p>MStar</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Berita RTM</p>	
17	<p>Kanak-Kanak 4 Tahun Lemas Mandi Lombong, Abang Masih Hilang</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-4-tahun-lemas-mandi-lombong-abang-masih-hilang-410421</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kanak-kanak-ditemukan-lemas-abang-masih-hilang/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-rohingya-lemas-abang-masih-hilang-OC10740842</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/12/2-kanak-kanak-rohingya-lemas-di-lombong/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/12/kanak-kanak-ditemukan-lemas-abang-masih-hilang/</p> <p>https://www.buletintv3.my/kemalangan/dua-kanak-kanak-rohingya-lemas-ditemui-maut/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/12/kanak-kanak-rohingya-lemas-abang-masih-hilang/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>The Sun Daily</p> <p>FMT</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Negatif

18	<p>Doa Banduan Wanita Peluk Cium Anak Akhirnya Termakbul</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/13/doa-banduan-wanita-peluk-cium-anak-akhirnya-termakbul/</p>	Kosmo	Neutral
19	<p>Ibu Tunggal Sara Hidup Dengan Jual Kuih Samosa</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/laporan-khas/59161-ibu-tunggal-sara-hidup-dengan-jual-kuih-samosa</p>	Berita RTM	Neutral
20	<p>Warga Emas Cedera Digigit Buaya Ketika Ambil Wuduk</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249276/berita/s-emas/warga-emas-cedera-digigit-buaya-ketika-ambil-wuduk</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1075824/tiba-tiba-muncul-buaya-sambar-tangan-kanan-ketika-ambil-wuduk</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-cedera-digigit-buaya-ketika-ambil-wuduk-410399</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/warga-emas-cedera-digigit-buaya-ketika-ambil-wuduk-di-paya/</p> <p>https://bernama.com/bm/news.php?id=2172350</p> <p>https://www.melakahariini.my/warga-emas-cedera-digigit-buaya-ketika-mengambil-wuduk/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Bernamea</p> <p>Melaka Hari Ini</p>	Neutral
21	<p>Jangan Kecam Warga Emas Lanjut Pengajian</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/13/jangan-kecam-warga-emas-lanjut-pengajian/</p>	Kosmo	Neutral
22	<p>Dipukul Abang OKU Kerana Tolak Ajakan Ke Kedai</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/944975/dipukul-abang-oku-kerana-tolak-ajakan-ke-kedai</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2172492</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

<https://www.mynewshub.tv/2023/03/dipukul-abang-oku-kerana-tolak-ajakan-ke-kedai/>

My News Hub

<https://headtopics.com/my/dipukul-abang-oku-kerana-tolak-ajakan-ke-kedai-harian-metro-36538128>

Head Topics

JKM CARI WARIS AFIFAH HILYA

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/249038>

Sumber : Sinar Harian



BUKIT MERTA JAM - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Seberang Perai Tengah sedang mengesan ibu bapa kandung seorang kanak-kanak perempuan dikenali Afifah Hilya Nafisah berusia dua tahun tujuh bulan.

Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah, Noor Liza Azezool berkata, kanak-kanak itu ditinggalkan ibu bapa kandungnya yang juga warganegara Indonesia tanpa dokumen pengenalan diri sejak dua tahun lalu dan dijaga oleh penjaga, Norseri Ahmad Kasa dan isteri, Nor Azizah Daud.

Menurutnya, kanak-kanak itu ditinggalkan ibunya kepada penjaga semasa usianya setahun 10 bulan.

"Ibunya ketika itu memberitahu hanya mahu pulang sementara ke Indonesia untuk urusan masalah permit pekerjaannya.

"Namun hingga kini mereka tidak muncul dan datang semula ke negara ini," katanya kepada Sinar Harian di sini pada Jumaat.

Noor Liza berkata, permohonan pengecualian Seksyen 15(3) Akta Kanak-Kanak 2001 telah diluluskan untuk siaran media.

Beliau berkata, waris atau orang ramai yang mengenali ibu bapa kandung kanak-kanak berkenaan boleh menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, Aminul Husaini di talian 04-538 2584.

DR FARAH NINI DILANTIK PESURUHJAYA KANAK-KANAK SUHAKAM

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1074917/dr-farah-nini-dilantik-pesuruhjaya-kanak-kanak-suhakam>

Sumber : Berita Harian



PUTRAJAYA: Pensyarah Kanan di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM), Dr Farah Nini Dusuki dilantik Pesuruhjaya Kanak-Kanak bagi menganggotai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 8 Mac lalu.

Perkara itu diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Farah Nini yang berkhidmat di Fakulti Undang-Undang UM sejak Disember 2007 mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang hak asasi manusia dan undang-undang berhubung kanak-kanak.

Menerusi kenyataan hari ini, Azalina berkata Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, memperkenan pelantikan Farah Nini mengikut subseksyen 5 (2) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597].

"Kerajaan berharap dengan lantikan Farah Nini sebagai Pesuruhjaya Kanak-Kanak, pelbagai isu kanak-kanak yang berlaku di Malaysia akan diberi perhatian yang lebih mendalam bagi memastikan hak asasi serta keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di negara kita sentiasa terpelihara," katanya.

Farah Nini pernah berkhidmat di Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws di Universiti Islam Antarabangsa selama 15 tahun.

Beliau memperoleh ijazah doktor falsafah (PhD) dari Universiti Cardiff di Wales, United Kingdom pada 2002 dengan tesis yang menganalisis permasalahan sosioperundangan bagi melindungi kanak-kanak daripada penderaan dan pengabaian.

Bidang kajian beliau merangkumi perundangan mengenai pengadilan jenayah, undang-undang kanak-kanak, perlindungan remaja dalam isu kesihatan reproduktif seksual serta pelaksanaan dan penguatkuasaan hak kanak-kanak di Malaysia.

Pada 18 Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Pesuruhjaya Kanak-Kanak dilantik menganggotai SUHAKAM dalam usaha menangani masalah penderaan dan sosial melibatkan kanak-kanak. – BERNAMA

100 KANAK-KANAK CERIA TERIMA BANTUAN PERSEKOLAHAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/10/100-kanak-kanak-ceria-terima-bantuan-persekolahan/>

Sumber : Kosmo



KUALA SELANGOR – Kegembiraan terpancar pada wajah 100 kanak-kanak apabila menerima bantuan persekolahan daripada Yayasan TZA di Kampung Pasir Tuntong di sini, hari ini.

Kesemua mereka merupakan pelajar sekolah rendah berusia tujuh hingga 12 tahun daripada golongan anak yatim dan keluarga kurang berkemampuan.

Penerima, Zaiti Zuliza Yup, 36, berkata, sumbangan berupa beg dan peralatan sekolah itu jelas membantu meringankan beban kehidupan keluarganya.

“Umum mengetahui kos sara hidup kini semakin meningkat dan menjejaskan golongan kurang berkemampuan.

“Justeru, bantuan seumpama ini amat diperlukan ibu bapa menjelang sesi persekolahan yang bakal dibuka dalam tempoh seminggu lagi,” kata ibu kepada empat anak itu ketika ditemui pada program Back To School itu petang tadi.

Terdahulu, bantuan termasuk sejumlah wang tunai itu diserahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Bagi kakitangan kerajaan, Tengku Mohd Fahmi Tengku Nasaruddin, 37, dia sekeluarga menghargai sumbangan seumpama itu yang kali pertama diterimanya tahun ini.

“Bantuan itu membantu persiapan sekolah anak perempuan saya yang berusia tujuh tahun.

“Saya berharap sumbangan itu dapat diteruskan kepada golong sasaran yang memerlukan perhatian semua pihak,” ujarnya.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, kampung berkenaan merupakan destinasi kedua beliau ke Kuala Selangor selepas memegang jawatan menteri tersebut. – KOSMO! ONLINE

NIAT BERBAKTI KEPADA KANAK-KANAK, LESAP RM45,000

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1075054/niat-berbakti-kepada-kanak-kanak-lesap-rm45000>

Sumber : Berita Harian



MELAKA: Terpedaya dengan ajakan 'teman lelaki' kononnya bakal menerima imbuhan sekiranya aktif melakukan bantuan kemanusiaan menyebabkan seorang kerani kerugian RM45,000.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, kejadian berlaku selepas mangsa berusia 29 tahun berkenalan dengan suspek melalui laman sosial Instagram awal Februari lalu.

Beliau berkata, ketika tempoh perkenalan itu, suspek menawarkan mangsa untuk menyertai satu program menderma atau memberi bantuan kemanusiaan dan pembangunan kepada kanak-kanak di luar negara melalui Pertubuhan United Nations Children's Fund (UNICEF).

"Mangsa diberitahu akan menerima imbuhan daripada pihak bank sekiranya aktif bersama pertubuhan itu.

"Susulan itu mangsa kemudian mendaftarkan diri ke pautan palsu diberikan suspek kononnya untuk memudahkan proses menderma kepada pertubuhan," katanya.

Menurut Christopher, selepas mendaftar mangsa membuat dua transaksi derma kononnya kepada pertubuhan terbabit menerusi dua akaun berbeza.

"Transaksi itu dibuat pada 25 dan 26 Februari lalu oleh mangsa membabitkan jumlah RM45,000 ke dua akaun berbeza.

"Mangsa yang tidak menerima sebarang imbuhan selepas itu kemudian merasa tertipu sebelum tampil membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penipuan African Scam ini yang menggunakan modus operandi cara menderma ini adalah taktik penipuan terbaharu oleh scammer.

"Oleh itu, dipihak PDRM saya ingin menasihati orang awam agar sentiasa berhati-hati dengan sebarang pautan, panggilan atau aplikasi telefon yang diterima daripada pihak dikenali," katanya.

8 RUMAH TERBAKAR AWAL PAGI, WANITA MELECUR MAUT

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1075256/8-rumah-terbakar-awal-pagi-wanita-melecur-maut>

Sumber : Berita Harian



PASIR GUDANG: Seorang wanita maut selepas melecur dalam kebakaran yang memusnahkan lapan kediaman di Kampung Pertanian, Masai, di sini, awal pagi tadi.

Ketua Kampung Baru Masai, Indera Putra Ibrahim, berkata wanita berumur 33 tahun yang hanya dikenali sebagai Rahmanyah atau dipanggil Suriz, adalah antara 27 mangsa insiden berkenaan.

"Mangsa melecur akibat kejadian itu sebelum meninggal dunia. Seorang ahli keluarganya yang juga lelaki dewasa berusia 43 tahun turut melecur dan mendapat rawatan di hospital tetapi difahamkan, sudah dibenarkan pulang.

"Pada awalnya, semua mangsa kebakaran itu ditempatkan di Balai Raya Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Pertanian.

"Bagaimanapun, kami bersyukur apabila seorang ahli perniagaan tampil menawarkan tempat tinggal sementara kepada mangsa sehingga mereka berjaya mencari rumah sewa lain," katanya ketika ditemui, di sini, hari ini.

Seorang mangsa terbabit, Laie Sawang, 48, berkata kejadian berlaku ketika beliau bersama suami dan dua anak sedang tidur di rumah sewa mereka, kira-kira jam 3 pagi tadi.

Pekerja kilang perabot itu berkata, beliau terjaga daripada tidur selepas mendengar bunyi dentuman kuat dipercayai letupan gas dapur dari rumah jiran.

Beliau berkata, mereka sekeluarga terkejut apabila mendapati api sudah marak lalu bergegas menyelamatkan diri.

"Kami tidak sempat menyelamatkan apa-apa barangan kerana hanya fikir mahu menyelamatkan diri dalam keadaan cemas itu.

"Saya sudah tinggal di kawasan ini selama 20 tahun. Tidak disangka, rumah kami akan musnah dalam sekelip mata, namun saya bersyukur kerana semua ahli keluarga selamat.

"Bagaimanapun, kami sedih dengan nasib malang menimpa Suriz yang melecur dan dikejarkan ke hospital sebelum difahamkan dia sudah meninggal dunia," katanya.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd Sohaimi Ishak, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

"Mangsa baru dilaporkan meninggal dunia," katanya.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor berkata, dua jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan sebuah jentera Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pasir Gudang serta BBP Johor Jaya dengan kekuatan 17 anggota dikerahkan ke lokasi insiden.

Katanya, kebakaran itu membabitkan rumah jenis separuh kekal, dan dua mangsa membabitkan masing-masing seorang lelaki serta perempuan dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) kerana melecur.

"Operasi ditamatkan pada jam 8.33 pagi," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu ahli perniagaan, Sukudesnedi Nadzir, 57, berkata beliau menawarkan rumah kedai miliknya di Taman Bukit Dahlia sebagai tempat berlindung sementara secara percuma kepada mangsa terbabit yang kini tinggal sehelai sepinggang.

"Secara kebetulan, premis perniagaan yang saya beli dua bulan lalu itu mempunyai beberapa bilik dan sesuai dijadikan tempat tinggal mereka untuk sementara waktu," katanya yang merupakan pengasas syarikat minyak wangi.

WANITA RUGI LEBIH RM45,000 DIPERDAYA TAWARAN KERJA DALAM TALIAN <https://www.thesundaily.my/home/wanita-rugi-lebih-rm45000-diperdaya-tawaran-kerja-dalam-talian-KF10733449>

Sumber : The Sun Daily



SIBU: Seorang wanita pekerja syarikat swasta mendakwa kerugian RM45,049 apabila menjadi mangsa penipuan dalam talian yang menawarkan pekerjaan sebagai ‘pembantu dalam talian sambilan’ menerusi media sosial.

Mangsa berusia 34 tahun yang bekerja di bahagian operasi sebuah syarikat di sini pada mulanya telah melihat iklan jawatan tersebut dalam media sosial Facebook dan Instagram sebelum menghubungi nombor telefon yang disertakan dalam iklan itu.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili dalam satu kenyataan berkata wanita itu kemudiannya diminta untuk mendaftarkan maklumat peribadi dan perbankannya di sebuah laman sesawang bagi membolehkannya mendapat pekerjaan itu.

“Mangsa kemudian diminta untuk membuat beberapa pembayaran ke lima akaun bank berjumlah RM45,049 bagi mendapat komisen untuk barangan yang ditempah menggunakan namanya,” katanya dan menambah wanita itu membuat laporan polis pada Rabu lepas selepas menyedari ditipu.

Susulan kes itu, Zulkipli menasihati orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan sebarang tawaran di media sosial yang menawarkan pulangan yang lumayan.

Beliau berkata orang ramai perlu menyemak terlebih dahulu syarikat atau agensi yang terbabit sebelum menerima apa-apa tawaran pekerjaan.

Katanya semakan boleh dibuat melalui balai polis yang berdekatan atau di laman sesawang <http://semakmule.rmp.gov.my>, CCID Infoline di 013-2111222, CCID Response Centre di 03-26101559/03-26101599, <https://www.facebook.com/CyberCrimeAlertRMP> dan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997. -*Bernama*

PATAH TANGAN, BAHU TERCABUT DISERANG SAWAN KETIKA HAMIL

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/patah-tangan-bahu-tercabut-diserang-sawan-ketika-hamil-410250?amp=1>

Sumber : Astro Awani



BALING: Seorang ibu tunggal sukar menguruskan lima anak setelah mengalami patah tangan dan bahu tercabut ketika dialihkan semasa diserang eklampsia iaitu sawan ketika hamil, 16 Februari lalu.

Disebabkan serangan sawan itu, Siti Hafizoh Mohd Isri, 32, terpaksa menjalani pembedahan segera bagi menyelamatkan kandungan yang ketika itu berusia 33 minggu.

Dia yang kini masih dalam pantang bersama lima anak termasuk bongsu berusia 24 hari, menumpang kasih kedua ibu bapa di Kampung Teluk Sungai Durian di sini, berikutan kematian suami lima bulan lalu.

Bapanya, Mohd Isri Husain, 61, berkata, arwah menantunya, Abdul Hadi Jamaluddin, 37, meninggal dunia di rumah mereka ketika itu menetap di kuarters di Puchong, Selangor, Oktober lalu dikatakan akibat mengalami pecah pembuluh darah di otak.

"Selepas itu, tiga anak perempuan mereka, Siti Nur Hana, 5, Nur Hanis, 3 dan Siti Nur Hajar, 2, dibawa tinggal bersama kami di Kedah manakala anak sulung, Abdul Hanan, 7, menemani ibunya di Selangor sementara menunggu permohonan pertukaran Siti Hafizoh sebagai pembantu pengurusan murid, diluluskan," katanya.

Mohd Isri bagaimanapun bersyukur apabila anaknya berjaya ditempatkan ke sebuah sekolah di Kuala Ketil, Kedah dan mula berkhidmat pada 13 Februari lalu.

"Namun, selepas tiga hari memulakan tugas di tempat baharu, dia diserang sawan dan dikejarkan ke hospital kira-kira jam 2 pagi.

"Dalam keadaan cemas dan kelam kabut nak bawa Siti Hafizoh ke hospital, kami tidak sedar bahawa tangan kanan patah dan bahunya tercabut mungkin semasa mengalihkannya.

"Apabila sampai hospital terus jalani pembedahan keluarkan bayi walaupun tidak cukup bulan," katanya.

Mohd Isri turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu mempermudah urusan anak perempuan serta cucunya.

Jelasnya, Siti Hafizoh juga terpaksa mengambil cuti bersalin tanpa gaji kerana kelahiran kelima telah melebihi had cuti bersalin ditetapkan kerajaan.

"Bayinya baharu sahaja dibenarkan keluar setelah 20 hari ditahan wad, dengan berat kini 1.9 kilogram.

"Siti Hafizoh perlu ke hospital bagi rawatan susulan bahu dan tangan pada 16 Mac depan," katanya.

Akibat tidak mampu menguruskan diri, urusan penjagaan lima anak termasuk yang masih dalam pantang, diserahkan sepenuhnya kepada Mohd Isri dan isteri.

Kisah penderitaan Siti Hafizoh turut mendapat perhatian Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Penduduk Daerah Baling Kedah (Perkeba), Jhangir Khan Kathem Khan yang menyalurkan maklumat kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Baling selain turun padang melawatnya di rumah mereka Rabu lalu.

Pegawai Zakat Daerah Baling, Ahmad Mustaqim Zainul Abidin berkata, pihaknya menyalurkan bantuan segera bernilai RM200 bagi meringankan beban keluarga tersebut.

"Semakan permohonan akan dibuat sekiranya dia layak mendapat bantuan bulanan biarpun mempunyai pendapatan tetap tetapi juga mengambil kira tanggungan yang ramai.

"Kita juga akan bekerjasama dengan JKM untuk tujuan sama, di mana borang dan khidmat nasihat telah diberikan kepada Siti Hafizoh bagi membantu memudahkan permohonan," katanya.

Difahamkan, kedua-dua agensi juga bersedia menyediakan kemudahan bagi kos pengangkutan mendapatkan rawatan hospital mahupun pengurangan kos rawatan bagi pembedahan di bahagian tangan dan bahu jika diperlukan mengikut kelayakan. - *Sinar Harian*

JKM PERKETAT PROSES PEMILIHAN PENJAGA KANAK-KANAK - NANCY <https://www.bharian.com.my/node/1075536/amp>

Sumber : Berita Harian



KOTA KINABALU: Pemilihan ibu bapa untuk menjaga anak peliharaan akan diperketat bagi memastikan pihak berkenaan benar-benar layak dan sesuai, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, satu buku garis panduan baharu diperkenal untuk dijadikan rujukan bagi menilai pihak yang berkelayakan menjadi penjaga kepada kanak-kanak berkenaan.

"Garis panduan ini untuk memastikan kesesuaian penempatan kanak-kanak di bawah ibu bapa peliharaan atau Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS). Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperkenalkan sistem saringan penggunaan Penaksiran Psikologi Personaliti (TAJMA).

"Ia alat ukur psikologi yang direka bentuk untuk memberikan data saintifik mengenai diri seseorang individu berkaitan pemikiran, perasaan dan tingkah laku," katanya ketika berucap melancarkan buku garis panduan baharu berkenaan, di sini hari ini.

Nancy berkata, melalui penaksiran berkenaan, kesesuaian ibu bapa dalam aspek penjagaan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dapat diteliti dengan lebih terperinci.

Katanya, Jawatankuasa Panel Penempatan Kanak-Kanak kepada OYLS Peringkat Negeri juga telah diwujudkan yang dipengerusikan pengarah JKM negeri untuk memastikan kesesuaian penempatan kanak-kanak dengan mengambil kira pelbagai aspek.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga mengadakan sesi dialog awam bagi membincangkan isu-isu semasa kanak-kanak dan cabaran yang dihadapi oleh pelindung.

"Ia juga untuk memperkasa dan meningkatkan peranan serta fungsi, mengukuhkan persediaan mental dan fizikal untuk berhadapan pelbagai cabaran dalam mengendalikan pengurusan kes pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak secara holistik," katanya.

Sementara itu, Nancy berkata, sepanjang 2022, kementerian melalui JKM telah mengendalikan 6,781 kes penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian.

"Sehingga kini, seramai 185 Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (PPPM) telah dilantik dan diwartakan pada fasa pertama 2021. Pelantikan 158 PPPM lagi akan diteruskan pada 2023.

"Pertambahan pegawai secara kontrak ini secara tidak langsung akan membantu dalam memberikan fokus kepada pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan," katanya. - BERNAMA

NANCY SHUKRI URGES WOMEN TO JOIN THE WANITA BANGKIT PROGRAMME TO BOOST ECONOMIC STANDING

<https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/11/nancy-shukri-urges-women-to-join-the-wanita-bangkit-programme-to-boost-economic-standing/59120>

Sumber : Malay Mail



KOTA KINABALU, March 11 — Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri is urging women to sign up for the Wanita Bangkit@KPWKM programme as it is one of the best platforms to boost their economic standing.

She said the programme would help women escape from difficulties to become successful entrepreneurs and be able to help other women by offering jobs through small businesses.

"I would like to urge those who are here today to seize this opportunity to boost their family's income and enjoy a better standard of living in the future," she said when officiating the programme, which was attended by over 500 women here today.

She said several initiatives introduced under the programme, including the Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital, which provided assistance to women affected by the Covid-19 pandemic, had enabled them to start their own small-scale businesses.

"The programme will empower women by optimizing their potential based on their skills so they are not wholly reliant on government aid," she said.

Nancy said MyKasih Kapital participants will be assessed, monitored and asked to attend courses by government agencies, including the Social Security Organisation (Socso), as well as sharing sessions with successful entrepreneurs to prepare them for business.

She said 18,250 women have joined the programme so far. — Bernama

NANCY SHUKRI ASKED IF WOMEN SHOULD BEG FOR THEIR RIGHTS TO ACHIEVE 30PC DECISION-MAKERS STATUS

<https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/11/nancy-shukri-asked-if-women-should-beg-for-their-rights-to-achieve-30pc-decision-makers-status/59150>

Sumber : Malay Mail



KOTA KINABALU, March 11 — Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri asked if women should beg organisations and companies for the implementation of the 30 per cent decision-makers status when they have the capabilities to contribute to nation's development.

Nancy, in addressing the matter said, a loud voice is needed to ensure that women continue to be empowered and obtain various opportunities to further develop themselves and their families.

She said over the decades, women were only expected to take care of their household with opportunities in education, sports and business dominated by men, but today women are able to play a wide role in efforts to advance the family, community and country.

"Do we have to ask and beg for 30 per cent women representation as decision-makers on your board? The government has already implemented this policy and under Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's leadership it is working to ensure that this policy is achieved.

"Thank you to the Prime Minister who always strives to give priority to women and to ensure that the policy of 30 per cent women decision-makers is realised," she said when officiating the International Women's Day of the Sabah Small-Medium Bumiputera Women Entrepreneur Industry Association (IKSNita) here today.

Also present at the event was Sabah Assistant Minister of Community Development and People's Wellbeing Datuk Flovia Ng and IKSnita president Datuk Dg Khatijah Datu Bachtiyah.

Nancy said however, the call to empower women should not be seen as excluding men but rather women and men should join hands in efforts to advance the family, community and country. — Bernama

PERANAN WANITA MAMPU JADI PEMANGKIN BENTUK MALAYSIA MADANI
<https://harapandaily.com/peranan-wanita-mampu-jadi-pemangkin-bentuk-malaysia-madani/>

Sumber : Harapan Daily



Gagasan Malaysia Madani yang dicetuskan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim mampu menjadi pemangkin perjalanan masa hadapan negara melalui peranan golongan wanita.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Aiman Athirah Sabu berkata kementerian akan memainkan peranan penting bagi memastikan golongan wanita mampu membawa aspirasi masyarakat Madani.

“Bagi menjayakan Malaysia Madani sudah semestinya memerlukan sumbangan daripada wanita.

“Kerajaan Perpaduan menggagas madani dan ia tidak mungkin muncul serta terbina tanpa kekuatan keluarga dan khususnya peranan wanita,” kata ketika berucap merasmikan sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat negeri Selangor 2023 di Sepang pada Sabtu.

Aiman Athirah berkata, Malaysia Madani akan dapat dijayakan oleh wanita walaupun permulaannya hanya sebagai seorang suri rumah tangga.

Dalam hal ini, beliau berkata kementerian akan melihat keperluan setempat golongan wanita mengikut suasana negara masa kini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sepang menjelaskan senario politik negara juga boleh diubah oleh golongan wanita agar menjadi bertambah baik.

“Kalau kita (wanita) hendak lihat politik negara diubah, perkara pertama yang perlu diubah adalah pemain-pemain dalam negara yang nantinya akan menentukan undi dan seterusnya membentuk kerajaan.

“Wanita tidak lagi boleh bergantung kepada cara politik lama iaitu politik adu domba dan fitnah.

“Oleh itu, wanita mesti fokus kepada perkara yang selalu disebut sebagai politik khidmat, nilai dan mendidik,” ujarnya.

Tambah beliau akhlak mulia turut harus dijaga dan dipelihara oleh para wanita supaya menjadi hiasan yang sangat indah dalam kehidupan.

Turut hadir Exco Kesihatan Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor Dr Siti Mariah Mahmud, Presiden Kuala Lumpur and Selangor Coalition of Women Organization (KLSCWO) Anita Aqeela Hiong dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) MBI Norita Mohd Sidek.

Program anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor dengan kerjasama Wanita Berdaya Selangor (WBS) dan KLSCWO di di Hotel Sama-sama, KLIA, Sepang.

ANAK OKU PERLU DILAYAN SAMA RATA

<https://www.melakahariini.my/anak-oku-perlu-dilayan-sama-rata/>

Sumber : Melaka Hari Ini



BANDARAYA MELAKA 11 Mac – Majlis Gabungan Pertubuhan Wanita (NCWO) Melaka mahu anak-anak dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) di negeri ini terus diberikan keutamaan.

Timbalan Pengerusi 3 NCWO Melaka, Datin Nor Haya Sulaiman berkata, anak-anak OKU juga mempunyai hak untuk menerima keistimewaan dan layanan sama rata seperti anak-anak yang normal.

“Kita mesti bersama dalam menerajui hala tuju anak-anak syurga ini, masyarakat perlu sedar bahawa anak-anak ini juga perlu diberikan kasih sayang dan penghargaan.

“Saya amat berharap agar pihak yang berkaitan sentiasa memberi perhatian dan keperluan khusus untuk anak istimewa ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Seminar Kesedaran dan Cabaran Dalam Hala Tuju Anak-Anak Keperluan Khas ‘OKU Bukan Bebanan’ di sebuah hotel di sini, hari ini.

Seminar tersebut dirasmikan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Burhanuddin Bachik.

Turut hadir pada seminar itu isteri Yang di-Pertua Negeri Toh Puan Datuk Wira Asmah Abdul Rahman merangkap Pengerusi NCWO Melaka.

Sementara itu, Burhanuddin berkata setakat ini seramai 28,982 OKU telah berdaftar dengan JKM Melaka.

“Saya menyeru kepada semua ibu bapa yang mempunyai anak OKU segera mendaftarkan mereka di JKM untuk mendapatkan pelbagai keistimewaan.

“Datang sahaja pejabat JKM untuk daftar, tidak sampai sebulan anak-anak OKU ini akan diberikan kad OKU,” katanya.



TOH Puan Asmah menyerahkan sumbangan kepada NASOM yang diwakili Dr. Mazidah. Pada seminar itu sebanyak RM1,500 sumbangan berjaya dikumpul dan diserahkan kepada Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) yang diterima Pengerusi NASOM Melaka, Dr. Mazidah Said.

ENAM PELAJAR OKU POLYCC WAKIL NEGARA KE PERANCIS

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/249188>

Sumber : Sinar Harian



SUNGAI PETANI - Seramai enam pelajar orang kurang upaya (OKU) dari politeknik dan kolej komuniti (Polycc) bakal mewakili negara ke pertandingan 10th International Abilympics di Perancis, hujung bulan ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Dr Mohd Zahari Ismail berkata, pertandingan sempena World Skill Competition bertemakan 'Common Skills, Uncommon People' itu akan disertai peserta dari 55 buah negara pada 24 dan 25 Mac ini.

Menurutnya, International Abilympics merupakan pertandingan kemahiran teknikal dan vokasional peringkat antarabangsa khusus bagi OKU dengan tujuan menaik taraf golongan tersebut selain menikmati apa yang dirasakan insan normal.

"Ia juga mampu mengubah pandangan masyarakat mengenai potensi dan kebolehan OKU meningkatkan kemahiran teknikal dan vokasional sekali gus sebagai persediaan memasuki alam kerjaya,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Flag Off Polycc to 10th International Abilympics France 2023 di sini pada Sabtu.



Enam peserta OKU yang bakal menyertai pertandingan peringkat antarabangsa bergambar bersama Mohd Zahari (tengah) dan Khatijah (empat kanan) semasa Flag Off Polycc to 10th International Abilympics France 2023.

Pelajar semester akhir Sijil Kulinari dari Kolej Komuniti Sungai Petani, Kedah yang berdepan masalah pembelajaran itu berkata, persiapan mental dan fizikal juga dititik beratkan selain kekuatan resepi bagi menghasilkan masakan berasaskan arnab berdasarkan tiga syarat yang perlu dipenuhi, agar dapat memenangi hati juri sekali gus membawa pulang pingat yang diharapkan. Selain itu, alumni Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, Nur Amiratul Farahin Ab Rahman, 23, turut mengharapkan agar mampu membawa pulang pingat emas bagi kategori 'Painting and Waste Art'.

Dia yang berdepan masalah pendengaran dan pertuturan, telah melakukan persiapan lebih awal dengan latihan setiap hari selain menyediakan bahan terbuang seperti kertas, botol, surat khabar, majalah, mainan kanak-kanak serta persediaan lain untuk dibawa ke Perancis.

Selain itu, dua lagi peserta masalah pendengaran dan pertuturan iaitu Muhammad Darwisy Haziq Mohd Zam, 25, dari Politeknik Ibrahim Sultan akan menyertai kategori 'Outdoor Photography' dan Wan Muhammad Hafizunif Wan Roslan, 27, dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin akan menyertai kategori 'Cake Decoration'.



Nur Amiratul Farahin berinteraksi bersama pensyarah Politeknik Ibrahim Sultan, Mohd Nizam Saleh@Japri bagi persediaan ke 10th International Abilympics 2023 di Perancis.

Dua lagi peserta yang berdepan masalah pembelajaran dari Kolej Komuniti Selayang iaitu Muhammad Hanif Naufal Mohd Mazni, 23, akan menyertai pertandingan kategori 'Restaurant Services' dan Najwa Mahmud, 23, bakal menyertai pertandingan kategori 'Data Processing'.

Dalam perkembangan sama, Presiden

Majlis Pemulihan Malaysia (MCR), Datin Khatijah Sulieman berkata, seramai 16 peserta OKU termasuk enam dari Polycc dari pelbagai bidang kemahiran akan mewakili negara ke Perancis tahun ini.

"Kita sasarkan mereka mampu memberi saingan kepada peserta lain dan mengharumkan nama negara dengan membawa pulang pingat hasil persediaan rapi dan cukup latihan diberikan,"katanya.

SHOULD WOMEN BEG FOR THEIR RIGHTS, NANCY ASKS COMPANIES

<https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/432441>



WOMEN, Family and Community Development Minister Nancy Shukri asked if women should beg the corporate world to adopt the government’s 30% female decision-makers policy.

Nancy, in addressing the matter said, a loud voice is needed to ensure that women continue to be empowered and be presented with opportunities to further develop themselves and their families.

She said over the decades, women were only expected to take care of their household – with opportunities in education, sports and business dominated by men – but today women are able to play a wider role.

“Do we have to beg for 30% female representation as decision-makers on your board?”

“The government has already implemented this policy and, under Prime Minister Anwar Ibrahim’s leadership, it is working to ensure that this policy is achieved,” she said, adding that the policy should not be seen as excluding men, but for the mutual benefit of both genders. – Bernama, March 12, 2023.

PUSAT SASAR 59 PERATUS PENYERTAAN PEKERJA WANITA TAHUN 2025 – MENTERI

<https://www.buletinmutiara.com/pusat-sasar-59-peratus-penyertaan-pekerja-wanita-tahun-2025-menteri/>

Sumber : Buletin Mutiara



BAYAN LEPAS – Kerajaan Persekutuan menasarkankan 39 peratus jumlah penyertaan tenaga kerja wanita sekarang ditingkatkan kepada 59 peratus pada tahun 2025.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata demikian dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow seusai Majlis Perasmian Sambutan

Bulan Pemerksaan Wanita 2023 Majlis Sambutan Bulan Pemerksaan Wanita 2023 di Setia SPICE Convention Centre di sini pada 12 Mac 2023.

Turut serta, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu; Timbalan Ketua Setiausaha Operasi bagi Kementerian Sumber Manusia, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar dan Ketua Eksekutif Kumpulan Syarikat Talent Corporation Malaysia Berhad, Thomas Mathew.

“Kita mahu melihat penglibatan golongan Hawa dalam semua sektor (pekerjaan) mencapai sekurang-kurangnya 59 peratus.

“Kita (Kementerian Sumber Manusia) juga mahu memastikan mereka yang telah meninggalkan sektor tenaga kerja atas sebab-sebab tertentu (seperti) mungkin atas sebab komitmen keluarga dan sebagainya untuk kembali berkhidmat,” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Batu Gajah, Perak.

Di samping itu, beliau berkata jumlah graduan universiti dalam kalangan gender wanita adalah lebih ramai berbanding lelaki.

Namun, menurutnya lagi graduan universiti dalam kalangan wanita ramai tidak terjun dalam sektor tenaga kerja aktif atau keluar dari sektor itu selepas satu tempoh bekerjaya.

“Kerana komitmen tertentu, mereka terpaksa keluar dari sektor pekerjaan dan menjadi surirumah,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Sivakumar sekali lagi menjelaskan bahawa penguatkuasaan Pindaan Akta Kerja 1955 yang sebelum ini ditangguhkan, akan tetap diteruskan mulai 1 Januari tahun ini termasuk melibatkan majikan swasta.

Menurut beliau, antara kandungan pindaan yang ditangguhkan itu ialah penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari, penetapan cuti paterniti tujuh hari, pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam serta aturan kerja fleksibel untuk pekerja.

“Kita kena melihat bukan daripada segi beban (kepada majikan swasta) semata-mata, kita juga boleh lihat (kesan penguatkuasaan pindaan akta tersebut) kepada peningkatan produktiviti tenaga kerja juga.

“Saya telah umumkan (penguatkuasaan pindaan akta) ini pada bulan Januari lagi, perkara ini telah menjadi undang-undang (yang mana) kita telah memberikan tempoh (penangguhan) agak panjang selama enam bulan (sejak 1 September 2022) dan sekarang ia telahpun dilaksanakan,” tegasnya.

KANAK-KANAK DIBUNUH, TANGAN DIIKAT, KEPALA TERSEPIT POKOK

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/944824/kanak-kanak-dibunuh-tangan-diikat-kepala-tersepit-pokok>

Sumber : Harian Metro



Lahad Datu: Kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun dipercayai dibunuh selepas ditemui dalam keadaan tangan diikat di kawasan semak di Kampung Panji di sini, semalam.

Mayat mangsa ditemui orang awam dalam keadaan berdarah dan kepalanya turut tersepit pada pokok.

Pemangku Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Superintendan Azmir Abdul Razak berkata, pihaknya menerima laporan penemuan mayat itu pada 3.50 petang semalam, sebelum sepasukan pegawai dan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu dikejarkan ke lokasi.

Katanya, siasatan awal mendapati mangsa daripada suku Palauh mengalami kecederaan iaitu luka di bahagian kepala, kedua belah tangan dan kaki kiri.

"Tangan sebelah kanan mangsa turut diikat menggunakan seutas tali. Kepala mangsa turut tersepit di antara dua pokok dan dipercayai dicerderakan dengan benda tajam.

"Turut ditemui kesan torehan di kedua-dua belah tangan dan kaki kiri," katanya dalam kenyataan hari ini.

Azmir berkata, siasatan awal, ibu mangsa yang berusia lingkungan 20 tahun mendakwa mangsa keluar rumah untuk bermain, namun tidak pulang sehingga mayatnya ditemui.

"Mangsa kali terakhir dilihat pada 12 tengah hari semalam dan ibu mangsa telah berusaha mencari di sekitar kampung sebelum dimaklumkan anaknya ditemui di kawasan semak kampung itu pada 3 petang," katanya.

Menurutnya, susulan laporan, lelaki warga asing lingkungan 30-an ditahan untuk siasatan lanjut, selepas kali terakhir dilihat bersama mangsa.

"Suspek juga didapati positif dadah serta dipercayai kurang siuman. Kita juga menahan ibu bapa mangsa untuk membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan orang ramai dinasihatkan tidak menularkan maklumat yang tidak sahih sumbernya dan sentiasa merujuk polis.

KANAK-KANAK 4 TAHUN LEMAS MANDI LOMBONG, ABANG MASIH HILANG

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-4-tahun-lemas-mandi-lombong-abang-masih-hilang-410421>

Sumber : Astro Awani



SUNGAI PETANI: Seorang kanak-kanak berusia empat tahun ditemukan lemas manakala abangnya berusia enam tahun masih hilang selepas dipercayai mandi di lombong pasir di Kampung Pematang Kedondong, Tikam Batu, di sini.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner, Zaidy Che Hassan, berkata mayat kanak-kanak itu yang tersangkut pada jala ikan ditemui penduduk kampung pada jam 7.30 pagi tadi.

Katanya, operasi mencari menyelamat (SAR) sedang dilakukan untuk mencari seorang lagi mangsa.

“Operasi SAR masih dilakukan pasukan polis, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) bagi mencari seorang lagi mangsa yang masih hilang di dalam lombong terbabit,” katanya ketika dihubungi Astro AWANI hari ini.

Menurut Zaidy, kedua-dua mangsa dipercayai pergi ke kawasan lombong terbabit sekitar jam 6 petang semalam.

Katanya, kehilangan mangsa disedari ahli keluarga selepas tidak pulang ke rumah sehingga jam 8 malam tadi.

“Setelah pencarian dilakukan ibu mangsa menemui pakaian anaknya di tepi tebing lombong itu.

"Berikutan itu ibu mangsa telah membuat laporan polis di Balai Polis Tikam Batu pada jam 9 malam," ujar Zaidy.

DOA BANDUAN WANITA PELUK CIUM ANAK AKHIRNYA TERMAKBUL

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/13/doa-banduan-wanita-peluk-cium-anak-akhirnya-termakbul/>

Sumber : Kosmo



ALOR SETAR – “Saya rasa bahagia sangat hari ini apabila dapat peluk anak yang sudah sembilan tahun saya ‘tinggalkan’, alhamdulillah akhirnya doa saya untuk peluk dan cium anak dimakbulkan Tuhan.”

Demikian luahan seorang penghuni Penjara Pokok Sena yang dikenali sebagai Siti, 35, yang sedang menjalani hukuman penjara selama 30 tahun kerana terlibat dalam jenayah penculikan di bawah Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961.

Siti merupakan antara 20 penghuni penjara tersebut yang diberikan peluang untuk bertemu dengan anak dan keluarga masing-masing sempena Program Jalinan Kasih Ibu dan Anak peringkat penghuni wanita Penjara Pokok Sena anjuran bersama Pejabat Pengarah negeri di sini kelmarin.

Menurut ibu kepada enam orang anak itu, dia bersyukur kerana dapat melepaskan rindu dengan mencium dan memeluk anak lelakinya yang kini berusia 13 tahun.

“Walaupun tidak dapat berjumpa dengan semua anak, namun saya tetap berpuas hati kerana diberikan peluang ini kerana tempoh hukuman yang perlu saya lalui masih panjang.

“Tempoh 30 tahun di dalam penjara itu bukanlah singkat dan walaupun sakit merindui anak-anak itu sangat pedih, saya perlu kuat untuk teruskan kehidupan dengan menganggap ini sebagai ujian,” katanya ketika ditemui pada program tersebut.

Katanya, dia bagaimanapun berasa sayu apabila anak melahirkan kesedihan kerana tidak mendapat kasih sayang seorang ibu.

“Anak cakap, ibu, kasih sayang yang adik terima tak sama dengan kasih sayang yang seorang ibu curahkan kepada anaknya.

“Saya rasa sedih bila dengar luahan anak itu dan saya sedar itu semua berpunca daripada kesilapan sendiri yang lalai sebelum ini,” katanya yang berasal dari Kuala Lumpur.

Jelasnya, dia perlu kuat demi anak-anak dan bersyukur kerana menjalani pemulihan yang baik dan sempurna di penjara itu yang mana kakitangan penjara sentiasa memberi sokongan kepadanya.

Seorang lagi penghuni dikenali sebagai Kina, 28, dia gembira kerana dapat bertemu suami dan dua anak lelaki berusia empat dan enam tahun setelah dua tahun dipenjarakan atas kesalahan di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana melakukan penderaan.

“Cuma saya sedih sangat apabila melihat keadaan anak sulung yang sedikit kurus. Dia juga seperti mengelak untuk bersalam dan memeluk saya kerana mungkin sudah lama tidak berjumpa.

“Saya perlu jalani hukuman penjara selama dua tahun lapan bulan lagi dan hari-hari saya berdoa supaya tabah jalani ujian ini. Saya nak balik, nak masak dan suap makanan kepada suami dan anak,” jelasnya yang berasal dari Johor.

Kina yang pernah memenangi johan Pertandingan Tilawah Al-Quran Dan Nasyid peringkat penghuni penjara seluruh negara pada tahun lalu juga menyifatkan pertemuan kelmarin sebagai hadiah hari ulang tahun kelahirannya pada Jumaat lalu.

Sementara itu, Pengarah Penjara Negeri Kedah, Abdul Kadir Jailani Ismail berkata, program itu dijalankan bagi memastikan hubungan seorang ibu dengan anak tidak terputus di sebalik tirai besi.

“Kita mahu tunjuk keluarga masih ambil berat dan sayang penghuni di sini dan inisiatif ini adalah bagi ubah mereka jadi lebih baik bila bebas nanti,” ujarnya.

IBU TUNGGAL SARA HIDUP DENGAN JUAL KUIH SAMOSA

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/laporan-khas/59161-ibu-tunggal-sara-hidup-dengan-jual-kuih-samosa>

Sumber : Berita RTM



KUALA LUMPUR, 12 Mac - Bergelar ibu tunggal bukan sesuatu yang diinginkan golongan wanita, namun jika sudah takdir mereka akur kerana kehidupan perlu diteruskan.

Biarpun berdepan pelbagai kesulitan, berbekal kudrat sendiri, ibu tunggal bangkit mengubah persepsi skeptikal demi masa depan dan anak tercinta.

"Jangan merasa rendah diri dan usah malu berusaha keluar daripada kemiskinan," kata wanita cekal bernama Mahmude Mukhdar.

Semangat itu dipegang ibu tunggal tiga anak itu nekad memulakan perniagaan kecil-kecilan bagi menjana pendapatan keluarga, kira-kira 11 tahun lalu.

Mesra disapa Huda, menumpang gerai pasar malam adiknya dengan menjual kuih samosa sebelum aktif mengintai peluang lain.

"Saya fokus untuk menjual samosa dengan sasar lima buah kedai untuk dipasarkan dengan bermula 200 hingga 1000 kuih samosa.

"Apabila saya dah mula fokus untuk meniaga 2000 kuih samosa, memang ramai buat tempahan kadang-kadang saya tak menang tangan, suami saya pula tidak sihat dan sakit," katanya kepada RTM.

Biarpun dihipit kesulitan mengurus tempahan ketika kesihatan arwah suami yang tidak menentu pada suatu masa sahulu, Huda bersyukur kuih samosanya terus mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Daripada menggunakan kereta wira buruk, saya boleh beli kereta baru walaupun kereta terpakai saya sifatkan itu satu pencapaian," sambungnya lagi.

Kehilangan suami bukan pemutus semangat sebaliknya berkat kesungguhan, Huda mampu keluar daripada kepompong kesusahan.

Apatah lagi, menerusi bantuan pinjaman TEKUN Nasional, Huda berpeluang melipatgandakan pendapatannya.

"Saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada TEKUN kerana membantu golongan seperti kami yang susah untuk dapat pinjaman dari bank.

"Dengan adanya TEKUN dan AIM memang sangat membantu kerana kemudahan yang diberikan dalam bentuk wang ringgit dan pinjaman yang dibayar mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Dengan bantuan ini kami dapat menjana pendapatan untuk diri sendiri dan sokong produk masing-masing," katanya.

Selain memasarkan produk sejuk beku, Huda turut meneroka peluang bidang lain dengan memanfaatkan hasil tanaman di bawah inisiatif *Youth Single Mom* yang diperkenal Universiti Islam Antarabangsa bersama Bank Islam.



(Ibu tunggal Mahmude Mukhdar berniaga menjual kuih samosa sejak 11 tahun lalu)

WARGA EMAS CEDERA DIGIGIT BUAYA KETIKA AMBIL WUDUK

<https://www.sinarharian.com.my/article/249276/berita/semasa/warga-emas-cedera-digigit-buaya-ketika-ambil-wuduk>

Sumber : Sinar Harian



KUALA TERENGGANU - [DIKEMAS KINI] Seorang penangkap ikan darat cedera pada tangan kanan selepas disambar seekor buaya ketika sedang mengambil air sembahyang di kawasan paya dalam kejadian di Padang Papan, Manir di sini, petang Jumaat.

Mangsa, Che Man Zakaria, 61, berkata, ketika kejadian dia ingin menunaikan solat maghrib sebelum tangannya tiba-tiba disambar seekor buaya dipercayai buaya tembaga sepanjang kira-kira dua meter.

"Waktu sedang basuh tangan tu, saya letak lampu suluh di tepi. Tiba tiba tangan kanan direntap seekor buaya sehingga saya terjatuh ke dalam sungai.

"Selepas terjatuh dalam air, buaya itu melepaskan tangan saya. Rasa terkejut dan bersyukur sebab terselamat. Mungkin cahaya lampu suluh itu menarik perhatian buaya dan segera menyambar tangan saya," katanya yang tinggal di Kampung Kebor Besar, Manir dekat sini.

Menurut Che Man, sudah menjadi rutin dia ke kawasan itu untuk menangkap ikan dan hasil tangkapan akan dijual setiap Sabtu di Pasar Manir.

"Saya bersama beberapa orang rakan sudah biasa ke situ untuk menangkap ikan sebab tempat tu macam lubuk. Ada pelbagai spesis ikan darat.

"Hampir setiap minggu saya akan ke situ dan bermalam untuk menangkap ikan terutama ikan haruan dan belut. Tak sangka pula ada buaya yang menunggu," katanya.

Che Man berkata, selepas kejadian, dia segera mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan menerima 12 jahitan di tangan kanan.

Dia yang telah 15 tahun menangkap ikan di kawasan itu berkata, terdapat tiga ekor buaya yang dipercayai berada sekitar kawasan itu sejak awal tahun ini.

Namun katanya, sebelum ini buaya-buaya berkenaan tidak bertindak agresif dan hanya memakan umpan yang dipasang di situ.

"Walaupun ditimpa kejadian ini, ia tidak mematahkan semangat saya kerana pekerjaan ini (menangkap ikan) dilakukan selama ini untuk menyara keluarga.

"Cuma saya harap pemancing-pemancing atau sesiapa yang berada di sekitar kawasan itu agar berhati hati ketika melalui tempat tersebut," katanya.

JANGAN KECAM WARGA EMAS LANJUT PENGAJIAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/13/jangan-kecam-warga-emas-lanjut-pengajian/>

Sumber : Kosmo



Menuntut ilmu merupakan satu perkara yang berfaedah dan sangat penting bagi membuka minda seseorang sekali gus memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan juga komuniti.

Bagaimanapun, tidak semua menyedari perkara itu, malah ada yang memperlekehkan apabila ada warga emas yang menyambung pengajian.

Baru-baru ini tular mengenai seorang wanita berusia 64 tahun yang melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kisah wanita berkenaan yang beratur menaiki bas untuk ke kelas menerima kecaman daripada pengguna media sosial.

Rata-rata netizen ada yang meminta warga emas tersebut untuk tinggal di rumah, mendekatkan diri dengan Tuhan dan menghabiskan masa dengan mengaji al-Quran.

Entah apa silapnya, namun perkara itu jelas membimbangkan dan mengecewakan di mana ramai pihak menganggap menuntut ilmu serta melanjutkan pelajaran ini hanya sesuai bagi golongan muda sahaja.

Sebagai seorang pembaca saya turut terguris hati dengan komen sedemikian dan mempersoalkan mengapa wujudnya golongan yang berfikiran cetek sedemikian sedangkan ilmu itu sangat luas dan ibarat 'pelita' yang menyinari hidup seseorang?

Mengulas lanjut isu berkenaan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Professor Dr. Norkhalid Salimin berkata, kecaman dan komen terhadap wanita terbabit adalah tidak wajar.

“Kita sepatutnya meraikan sesiapa sahaja yang ingin melanjutkan pelajaran, tanpa mengenal had umur. Pihak universiti sangat mengalu-alukan niat mulia sedemikian.

“Jalan untuk menuntut ilmu sentiasa terbuka luas. Banyak universiti termasuk UPSI sendiri, yang menawarkan program-program pengajian sepanjang hayat dengan menawarkan kursus-kursus sijil dan diploma dalam pelbagai bidang.

“Selain itu, stigma masyarakat terhadap individu yang menyambung pengajian untuk mendapatkan pekerjaan yang bagus perlu diperbaiki kerana ia sepatutnya bermula dengan niat untuk menuntut ilmu,” ujarnya ketika dihubungi Kosmo!.

Mengulas mengenai tindakan ramai yang mengecam wanita terbabit, beliau menasihatkan orang ramai supaya mendoakan yang terbaik buatnya kerana untuk meneruskan pelajaran dalam usia sedemikian adalah tidak mudah.

“Ilmu itu sangat luas dan kita sebagai manusia perlu sentiasa menimba ilmu. Tuntutlah ilmu hingga liang lahad.

“Seterusnya, amal ibadah bukan sahaja fokus terhadap ilmu agama iaitu dengan membaca al-Quran dan Hadith. Melakukan pekerjaan seharian, menuntut ilmu duniawi juga ibadah.

“Jangan jadikan umur sebagai penghalang lantas menghentikan niat murni menuntut ilmu yang mungkin memberi faedah kepada orang lain,” tegasnya.

Sehubungan itu, beliau turut menyeru masyarakat agar tidak menghakimi pilihan jalan hidup orang lain terutamanya bagi mereka yang memasang angan-angan baik untuk menuntut ilmu.

“Kita tiada hak untuk menghakimi amal ibadah orang, mungkin dia ada cita-cita yang tergendala sebelum ini. Ia mungkin untuk kepuasan diri yang telah lama diinginkan. Hal sebegini perlu dicontohi.

“Untuk berjaya ke menara gading jangan fikir mengenai pandangan orang. Malah, individu lain juga perlu belajar hormat dengan pilihan mereka,” katanya.

DIPUKUL ABANG OKU KERANA TOLAK AJAKAN KE KEDAI

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/944975/dipukul-abang-oku-kerana-tolak-ajakan-ke-kedai>

Sumber : Harian Metro

Ampang Jaya: Hanya kerana menolak permintaan abangnya yang juga orang kurang upaya (OKU) pekak dan bisu menemani ke kedai seorang wanita cedera dipukul lelaki itu di kediaman mereka di Taman Cahaya, di sini, Khamis lalu.

ADVERTISING

Dalam kejadian jam 3 petang itu, mangsa berusia 20 tahun yang juga pekerja khidmat pelanggan berada di rumah, sebelum abangnya mengajak menemaninya ke kedai untuk membeli barang namun dia menolak ajakan itu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, tiba-tiba suspek datang ke arah mangsa yang sedang berbaring dan terus memijak peha kanan, bahu kanan dan menumbuk di kepala berkali-kali tanpa henti.

Menurutnya, mangsa kemudian membuat laporan polis dan menerima rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Ampang.

"Susulan itu, suspek berusia 31 tahun yang tidak bekerja ditahan di kediaman terbabit pada 10.30 malam hari sama.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga," katanya dalam kenyataan malam ini.